

Headline	Kesediaan pondok untuk berubah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	30 May 2014	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	46	ArticleSize	330 cm ²
AdValue	RM 1,904	PR Value	RM 5,712



Kesediaan pondok untuk berubah



Untuk melihat institusi pengajian pondok mengambil tempatnya dalam arus perdana transformasi negara, kerjasama pemegang taruh (stakeholders) sangatlah perlu malah dituntut. Sesuai dengan semangat dan tujuan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia ditubuhkan, iaitu menjadi saluran yang efisien dan berkesan untuk memadukan sumber dan kapasiti yang ada dengan keperluan komuniti pondok, pihak kami akan bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan kelangsungan dan kerelevanan institusi pondok berterusan. Antara beberapa cadangan yang dibincangkan di Perbincangan Meja Bulat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) minggu lalu, termasuk:

- Pembangunan model program akademik berakreditasi: Institusi pondok boleh meneroka sistem pengajian berakreditasi di samping pembelajaran tidak formal, untuk membantu pelajar muda (remaja) yang tidak berpeluang menyambung pelajaran ke kolej atau universiti kerana pencapaian akademik yang rendah atau faktor kewangan. Sistem ini penting agar tidak berlaku keciciran sumber manusia dalam negara.

- Pembangunan model penjana kewangan institusi pondok: Kebebasan kewangan adalah aspek penting dalam kelestarian institusi pondok. Kita faham ini isu sensitif.

Ada pondok yang tidak boleh menerima konsep 'penjana kewangan' atau bantuan kerajaan atas konsep ilmu tidak dijual beli atau pertimbangan politik. Namun hakikatnya, pondok perlu meningkatkan keupayaan untuk membolehkannya mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain.

- Penyediaan pangkalan data institusi pondok: Pangkalan data adalah satu keperluan utama dalam pengurusan organisasi. YPPM bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia membuat kajian menyeluruh dan saintifik bagi menyediakan profil pondok-pondok di Malaysia. Maklumat lengkap dengan data empiris boleh membantu YPPM menyediakan laporan yang meyakinkan bagi mendapat komitmen kerajaan untuk membantu serta menyokong pembangunan dan pengembangan institusi pondok.

- Pembangunan laman web berinformasi: Penyampaian maklumat melalui media baru adalah penting pada zaman ini. YPPM telah membangunkan

laman web sendiri iaitu www.pondok1msia.org sejak 2012 untuk menyalur pelbagai berita, laporan dan maklumat mengenai aktiviti dan programnya selain maklumat mengenai semua pondok yang ada dalam *Direktori Pondok 2012*.

Sistem jaringan maklumat yang canggih dan komprehensif perlu dibina untuk memenuhi keperluan masyarakat moden mendapat informasi secara cepat dan mudah mengenai pondok di negara ini.

- Pembangunan model

institusi pondok contoh: Satu model institusi pondok boleh dipertimbangkan, merangkumi pembangunan fizikal dan infrastruktur, sistem pengurusan dan pentadbiran, kebebasan kewangan menerusi konsep waqf jama'ie, kebajikan dan pencapaian

pelajar serta peranan pondok sebagai Pusat Pendidikan Islam Sepanjang Hayat.

Kita memahami sentimen dan aspirasi komuniti pondok, justeru perlu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan

secara serius dan berperingkat. Kita mahu melihat sistem pengajian pondok terus kekal dan menjadi pilihan, serta pengiktirafan sewajarnya diberikan kepada para ulama dan guru pondok. Kita perlu menjadi jambatan yang boleh menghilangkan persepsi sesetengah dalam kalangan komuniti pondok bahawa mereka dipinggirkan atau kurang diberi perhatian.

Namun, transformasi hanya boleh berjaya jika mendapat kerjasama dan diterima oleh pentadbir, pengusaha dan pemilik pondok sendiri. Jika mereka tidak menerima, tiada apa yang boleh dilakukan. Transformasi dan perubahan tidak boleh dipaksa. Kita mengakui bahawa institusi pondok pernah memberikan khidmat kepada bangsa Melayu dalam membangunkan pendidikan negara. Namun begitu, masa bernostalgia telah berlalu. Suasana kehidupan dan cara berfikir mengenai Islam sudah banyak berubah. Justeru, pentadbir dan guru pondok hari ini harus sedar bahawa mereka mesti bersedia untuk membuat dan menerima perubahan.

Headline	Kesediaan pondok untuk berubah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	30 May 2014	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	46	ArticleSize	330 cm ²
AdValue	RM 1,904	PR Value	RM 5,712

“ Kita memahami sentimen dan aspirasi komuniti pondok, justeru perlu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan secara serius dan berperingkat. Kita mahu melihat sistem pengajian pondok terus kekal dan menjadi pilihan, serta pengiktirafan sewajarnya diberikan kepada para ulama dan guru pondok.